

11 JUL 1996

Mahathir - Dadah

UNDANG-UNDANG ATASI MASALAH PENGGUNAAN DADAH DIPERKEMAS

MELAKA, 11 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelaksanaan undang-undang pencegahan penggunaan dadah dan pentadbiran pusat serenti di negara ini akan diperkemas bagi menangani masalah penagihan.

Perdana Menteri berkata undang-undang berkaitan dengan penggunaan dadah perlu diperkemas bagi memastikan masalah penagihan dadah tidak terus meningkat.

Ketika diminta mengulas laporan Pasukan Petugas Anti-Dadah Jabatan Perdana Menteri bahawa bilangan penagih semakin bertambah, Dr Mahathir berkata peningkatan itu tidak terlalu tinggi.

"Saya berpendapat peningkatan itu tidaklah terlalu tinggi memandangkan bahawa undang-undang kita memang ketat...tetapi penting undang-undang kita dilaksanakan dengan kemas," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat ke-173 Majlis Raja-raja yang pertama kali diadakan di Melaka.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan memberi kelonggaran dalam pelaksanaan undang-undang dan akan terus bertegas dalam menguatkuasa undang-undang yang ada termasuk mengekalkan hukuman mati.

"Kalau kelonggaran diberi, maka pihak yang menyeludup dadah akan berasa berani kerana mereka akan terlepas daripada hukuman," katanya.

Sebab itu tindakan tegas amat penting dan kerajaan telah menentukan hukuman mati dikenakan secara mandatori bagi pengedar dadah, kata Dr Mahathir.

Mengenai masalah pemulihan penagih, beliau berkata kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Dadah Negara untuk mengemaskan pentadbiran pusat serenti yang didapati menghadapi banyak masalah.

Dr Mahathir berkata pentadbiran di pusat serenti akan diperkemas dan sikap lebih tegas akan diambil untuk menghentikan perbuatan tunjuk perasaan dan rusuhan oleh pelatih.

Beliau berkata pentadbiran pusat serenti didapati mempunyai banyak masalah dan kelemahan.

"Ada pusat serenti yang membenarkan pelatih keluar begitu sahaja konon untuk bekerja tetapi mereka bukan bekerja, tetapi mendapat bekalan dadah untuk dibawa masuk ke pusat serenti," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga akan memberi peruntukan tambahan bagi menyediakan lebih banyak tempat untuk menampung bilangan penagih yang begitu ramai.

"Pentadbiran dan pemulihan penagih dadah di pusat-pusat itu akan diperkemas bagi meningkatkan keberkesannya," katanya. -- BERNAMA

MOZ MAI